

# Tuanku Raja ajak rakyat lakukan transformasi

Semerbak mewangi siharumanis  
Diangkut dengan kereta kuda  
Indah dan makmur negeri Perlis  
Raja dan rakyatnya berpisah tiada

AM | 11 5-13 39 (11/02)

**BEGITULAH** antara gambaran tentang keharmonian Perlis, negeri yang cukup menarik dan berkedudukan strategik untuk dikunjungi sama ada oleh rakyat tempatan maupun luar negara.

Dengan suasana kemesraan penduduk yang terdiri daripada pelbagai kaum dan adat resam yang tersendiri, sudah cukup membuat sesiapa sahaja jatuh cinta tatkala menjelaskan kaki di Perlis.

Keharmonian yang dikecapi rakyatnya sudah pasti menjadi lambang kedaulatan negeri di utara tanah air itu yang berada di bawah naungan payung mahkota Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail.

Bukan sahaja menjadi lambang pemerintahan Perlis, malah keprihatinan untuk mendampingi masyarakat membuatkan Baginda amat disayangi oleh seluruh rakyat jelata.

Baginda mahu rakyatnya maju, bukan sahaja berusaha bersungguh-sungguh ketika melakukan pekerjaan malah berani membuat perubahan atau transformasi untuk menikmati kehidupan yang lebih baik.

Bertitah sempena Majlis Mengangkat Sumpah Menteri Besar Perlis di Istana Arau baru-baru ini, Baginda mahu rakyat Perlis mengenepikan sikap mementingkan diri sebaliknya memberi keutamaan kepada agenda pembangunan negeri supaya terus maju.

Baginda juga menyeru agar semua pihak bersatu dan mengambil tanggungjawab bersama dalam membantu (kerajaan) melaksanakan pembangunan untuk rakyat dan negeri.

Tuanku Syed Sirajuddin juga berharap setiap tugas yang diberikan dilaksana dengan penuh tanggungjawab.

“Kalau jujur ketika menjalankan tugas, kita juga akan berjaya, cuma jangan ada agenda atau ‘ada udang di sebalik batu’” titah Baginda.

Begini juga dalam Upacara Pelantikan dan Mengangkat Sumpah Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) di istana yang sama turut menyaksikan Tuanku Syed Sirajuddin menegaskan bahawa semua pihak termasuk rakyat perlu menjalin kerjasama bagi mencapai matlamat menjadikan Perlis sebagai Negeri Maju menjelang tahun 2015.

“Barisan EXCO Negeri, pegawai-pegawai kerajaan dan agensi-agensi terbabit perlu memberi komitmen sebanyak ‘150 per-



Jadikanlah amalan ‘turun padang’ sebagai salah satu kaedah untuk mendekati masyarakat bagi mengatasi permasalahan mereka. Memang sukar untuk memuaskan hati semua pihak, tetapi harus diingat, kita perlu memberi bantuan sebaik mungkin, perlu berusaha atau mencari jalan penyelesaian

tus’ bagi mencapai matlamat tersebut. Semua pihak bukan sahaja perlu ‘berlari’ malah menambah pecutan supaya tidak ketinggalan jauh berbanding negeri lain,” saran Baginda.

Bagaimanapun, titah Baginda, dalam mengejar matlamat itu, keperluan rakyat tidak seharusnya dilupa atau dipinggirkan, sebaliknya para EXCO, wakil-wakil rakyat haruslah bertanggungjawab untuk mendekati kumpulan masyarakat agar permasalahan mereka didengari dan seterusnya dapat diatasi.

“Jadikanlah amalan ‘turun padang’ sebagai salah satu kaedah untuk mendekati masyarakat bagi mengatasi permasalahan mereka. Memang sukar untuk memuaskan hati semua pihak, tetapi harus diingat, kita perlu memberi bantuan sebaik mungkin, perlu berusaha atau mencari jalan penyelesaian,” titah Baginda.

Rakyat turut disarankan untuk melakukan transformasi atau berubah daripada sikap pemalas kepada rajin selain ‘membuang’ sikap pengotor untuk menjadi pemersih supaya negeri ini selesa diidami.



Titah baginda dalam satu majlis, transformasi ke arah kebersihan cukup penting bagi memastikan keceriaan sesebuah negeri, termasuk mendidik dan menggalakkan anggota masyarakat menjadikan amalan kitar semula sebagai satu budaya hidup.

“Amalan kitar semula boleh mengurangkan sampah terutamanya bahan-bahan yang tidak mudah reput,” titah Baginda.

Bertepatan dengan kehendak agama yang menitikberatkan kepada kebersihan selain memastikan Perlis sentiasa menjadi tarikan di mata pelancong khususnya pelancong dari luar, Baginda sebagai Ketua Agama juga sangat prihatin dengan perkembangan syiar Islam di Perlis selaras dengan kedudukannya sebagai agama rasmi negara ini.

Dalam memastikan kelangsungan pembangunan di seluruh negeri termasuk mencapai status negeri maju, Baginda tetap memberi penekanan kepada pentingnya mempertahankan kesucian agama dan keterggantungan Islam bersendikan Ahlus Sunnah Wal Jamaah.

Dalam pada itu, Tuanku mahu supaya usaha membangunkan masyarakat dan negeri Perlis biarlah ‘sejiwa’ dan seimbang dengan agenda memartabatkan agama Islam di negeri itu. Biar sama-sama diberi tumpuan agar dapat memberi limpahan hasil kemajuan bukan sahaja kepada rakyat malah turut melahirkan modal insan yang lebih cemerlang.

Selain itu, perkembangan semasa dengan persekitaran global menuntut supaya perubahan atau transformasi dilakukan oleh badan yang bertanggungjawab menjaga hal ehwal agama Islam supaya kedudukannya sentiasa relevan dengan arus perdana.

Malah, Baginda turut membuktikan transformasi yang dilaung-laungkan apabila Baginda sendiri melepaskan tumpuk Majlis Agama Islam Perlis (MAIPs) yang dipegang Baginda ketika menjadi Raja Muda Perlis pada tahun 1986.

Walaupun jawatan Yang Dipertua MAIPs beralih kepada anakanda Baginda, Tuanku Syed Syed Faizuddin Putra Jamalullail pada 14 Disember 2001,

namun Baginda tetap memantau setiap perkembangan dunia Islam khususnya di Perlis.

Tuanku Syed Sirajuddin mahu Perlis melangkah ke era pembangunan dengan berlandaskan Islam termasuk mempelajari, mengamalkan dan menjadikan Islam sebagai Ad-Deen.

“Jadikan Islam sebagai contoh dan pegangan rakyat dalam melaksanakan sesuatu agenda termasuk pembangunan. Contoh kehebatan pemimpin Islam pada masa lampau kerana ia kaedah terbaik untuk diikuti,” titah Baginda.

Dalam masa yang sama, Perlis membuat ruang kepada hubungan luar menerusi kerjasama dalam pelbagai bidang supaya peluang pelaburan dapat dikehendaki rakyat negeri itu.

Kunjungan duta asing yang silih berganti ke negeri ini perlu dilihat sebagai merintis laluan kepada usahawan dan pelabur tempatan menjalin kerjasama untuk meneroka perdagangan dan pasarluar yang lebih luas dengan negara-negara luar.